

22 MAC 2018

Muslihat 4 rakan karib

Muslihat 4 rakan karib

■ Polis serbu kondominium Greenlane di sini dan merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM3 juta.

THAIVEEGAN (tengah) menunjukkan peralatan dan ramuan pembuatan pelbagai jenis dadah.

22-03-2018 | setempat | 5 A

Siti Sofia Md Nasir
sitesofia@instp.com.my

Georgetown

Polis Pulau Pinang bongkar makmal memproses dadah di sebuah kondominium di Greenlane di sini, dan merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM3 juta, pada Isnin lalu.

Ketua Polis negeri, Datuk A Thaiveegan berkata, dalam serbuan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSN) Pulau Pinang jam 7.30 malam itu, polis turut menahan empat lelaki berumur 25 hingga 54 tahun yang dipercayai dalang kegiatan itu.

"Semasa serbuan, kita menemui dan merampas minyak methamphetamine, 128 gram syabu, 590 pil Ecstasy, 144 gram heroin, selain bahan kimia serta peralatan

memproses dadah.

"Nilai rampasan bagi semua bahan terbabit dianggar RM3 juta. Kami turut menyata rumah berkenaan dan menyiasat pemilik sebenar kediaman itu," katanya di sini, semalam.

Thaiveegan berkata, empat lelaki yang ditahan dalam serbuan berkenaan rakan karib yang turut mempunyai beberapa rekod jenayah dan kes dadah lam-pau.

Beliau berkata, polis per-caya sindiket itu beroperasi sejak lebih enam bulan lalu dan menghasilkan dadah bagi pasaran beberapa negeri berhampiran.

"Semua suspek direman tujuh hari sehingga Isnin depan untuk siasatan lan-jut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Polis akan mengesan sa-ki-baki anggota sindiket itu," katanya.